



18 SEP, 2024

Kastam peroleh 60 unit kamera badan elak salah laku

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam peroleh 60 unit kamera badan elak salah laku

PETALING JAYA: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) memperoleh sebanyak 60 unit kamera badan (BWC) pada peringkat awal untuk digunakan dalam penugasan harian pegawai dan anggota mereka.

Perolehan ini menjadikan JKDM antara agensi penguat kuasa yang turut menggunakan BWC selepas Polis Diraja Malaysia (PDRM) memperoleh 1,376 unit bagi menguji keberkesanan dalam penugasan anggota dan pegawai mereka di lapangan.

Penggunaan BWC adalah merupakan projek pilot bagi JKDM selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 10 Bil.5/2019.

Memberitahu *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarahnya, Datuk Anis Rizana Mohd. Zainudin berkata, 60 unit BWC itu diperolehi secara sewaan bagi tempoh 36 bulan.

Kata beliau, daripada jumlah itu, sebanyak sebanyak 24 unit akan digunakan pegawai dan anggota JKDM yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) diikuti masing-masing 12 unit lagi kegunaan di Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat; JKDM Selangor dan JKDM Johor.

Beliau menjelaskan, BWC ini dikawal selia sepenuhnya oleh Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat JKDM yang mana data bagi setiap rakaman akan dihantar ke Unit



ANGGOTA Penguat kuasa MBDK mengenakan kamera badan ketika menjalankan operasi pemeriksaan di sekitar kawasan perindustrian Teluk Gong, Klang, Selangor, baru-baru ini. - IHSAN MBDK

Semboyan, Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat JKDM untuk direkod dan disimpan bagi tujuan semakan.

“Penggunaan BWC ini bertujuan bagi menambah baik tahap integriti pegawai-pegawai di JKDM serta dapat meningkatkan aktiviti penguatkuasaan termasuk risikan dalam membendung ketirisan hasil negara melalui pencegahan aktiviti penyeludupan.

“Peralatan ini akan digunakan oleh pegawai terutamanya di Bahagian Perkastaman yang bertugas sebagai pegawai di barisan hadapan di pintu-pintu masuk utama negara dan juga pegawai di Bahagian Penguatkuasaan yang menjalankan operasi penguatkuasaan,” katanya.



18 SEP, 2024

Kastam peroleh 60 unit kamera badan elak salah laku

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) memperoleh sebanyak 60 unit kamera badan (BWC) pada peringkat awal untuk digunakan dalam penugasan harian pegawai dan anggota mereka. Perolehan ini menjadikan JKDM antara agensi penguat kuasa yang turut menggunakan BWC selepas Polis Diraja Malaysia (PDRM) memperoleh 1,376 unit bagi menguji keberkesanan dalam penugasan anggota dan pegawai mereka di lapangan.